

Prosedur Terjemahan Bahasa Istana dan Bahasa Klasik dalam Terjemahan Intralingual *Hikayat Bayan Budiman*

Muhammad Bazli Mahmood^{1*} dan Nur Syamilah Mat Said²

¹Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis.

²Universiti Sains Malaysia.

ABSTRAK

Berdasarkan amalan penterjemahan, makalah ini membincangkan prosedur terjemahan bahasa istana dan bahasa klasik dalam terjemahan intralingual *Hikayat Bayan Budiman* berdasarkan panduan pemindahan bahasa yang digagaskan oleh Za'ba (1934). Terjemahan intralingual merupakan terjemahan yang dilakukan dalam bahasa yang sama. Bentuk terjemahan boleh melibatkan pengungkapan semula atau parafrasa atau pentafsiran lambang verbal dengan makna lambang yang lain dalam bahasa yang sama. Za'ba dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* (1934) menggariskan beberapa panduan pemindahan bahasa yang sesuai dijadikan panduan kepada penterjemah dalam menangani cabaran yang timbul sebelum dan semasa proses terjemahan dilakukan. Dalam penterjemahan bahasa istana, penterjemah cenderung menggunakan prosedur terjemahan parafrasa, neutralisasi, nota kaki dan beberapa prosedur terjemahan lain dalam menangani cabaran terjemahan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden. Penterjemah juga turut menyuaipadankan panduan terjemahan yang diberikan oleh Za'ba dengan kaedah terjemahan komunikatif yang diutarakan oleh Newmark (1988) dalam melakukan terjemahan. Cabaran yang dikenal pasti dalam menterjemah bahasa istana dan bahasa klasik dalam *Hikayat Bayan Budiman* adalah untuk mengekalkan kesesuaian unsur sintaksis bahasa Melayu moden tanpa mengabaikan keindahan bahasa yang menjadi nadi dalam teks bahasa Melayu klasik. Selain itu, aspek stailistik dan keindahan gaya penulisan bahasa Melayu klasik turut cuba dikekalkan dan diperkenalkan dalam teks sasaran. Cabaran yang diketengahkan dan juga cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh penterjemah diharapkan mampu memberi panduan dalam penterjemahan bahasa istana dan terjemahan intralingual bahasa Melayu dan turut membantu menggalakkan perkembangan terjemahan intralingual di Malaysia.

Kata Kunci: Terjemahan Intralingual, Bahasa Istana, Bahasa Melayu Klasik, Terjemahan Komunikatif, *Hikayat Bayan Budiman*.

1. PENGENALAN

Jakobson (1959/2004) membahagikan terjemahan kepada tiga jenis, iaitu (i) terjemahan intralingual, (ii) terjemahan interlingual dan (iii) terjemahan intersemiotik. Terjemahan intralingual berlaku apabila terjemahan dilakukan dalam satu bahasa yang sama, manakala terjemahan interlingual pula merujuk penterjemahan dua teks bertulis yang berbeza bahasanya (Jakobson, 2000). Terjemahan intralingual ialah penterjemahan teks ke dalam bahasa yang sama. Terjemahan intersemiotik pula merupakan pemindahan mesej daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain dan terjemahan ini berlaku jika sesuatu teks bertulis diterjemahkan ke dalam bentuk yang berlainan seperti muzik, filem, lukisan dan sebagainya (Munday, 2001).

Walaupun ketiga-tiga jenis terjemahan ini mempunyai kedudukan yang sama taraf dalam tipologi terjemahan Jakobson, namun hanya terjemahan interlingual sahaja yang kelihatan lebih

*Koresponden: bazlimahmood@unimap.edu.my

kerap diperkatakan dalam dunia terjemahan. Pada hakikatnya, terjemahan intralingual juga banyak digunakan dalam kehidupan seharian kita terutamanya dalam masyarakat yang banyak menggunakan dialek atau bahasa serumpun. Namun begitu, jenis terjemahan ini kurang diberikan perhatian yang serius dalam aspek kajian ilmiah mahupun dalam aspek amali penterjemahan.

Terjemahan intralingual merupakan terjemahan yang dilakukan dalam bahasa yang sama. Bentuk terjemahan boleh melibatkan pengungkapan semula atau parafrasa, atau pentafsiran lambang verbal dengan makna lambang yang lain dalam bahasa yang sama (Jakobson, 1959/2004). Menurut Wan Halizawati Wan Mahmood (2017), terjemahan intralingual merangkumi empat subkategori seperti berikut: terjemahan diakronik, iaitu antara peringkat sejarah yang berbeza dalam satu bahasa yang sama; terjemahan dialek, iaitu antara variasi geografi, sosial ataupun generasi yang berbeza dalam bahasa yang sama; terjemahan diamesik, iaitu perubahan dalam mod bahasa seperti daripada bentuk ucapan kepada bentuk bertulis atau sebaliknya; dan akhir sekali transliterasi yang melibatkan perubahan abjad. Haslina Haroon (2009) turut mengertikan konsep “memindahkan bahasa” yang digagaskan oleh Za’ba (1934) sebagai penulisan semula dalam bahasa yang sama, iaitu terjemahan intralingual.

Dalam konteks ini, penterjemahan daripada teks sastera klasik bahasa Melayu kepada teks sastera moden bahasa Melayu menjadi pilihan projek terjemahan sebagai usaha bagi mempopularkan terjemahan intralingual sekali gus mengisi kekosongan yang wujud dalam Pengajian Penterjemahan khususnya dalam terjemahan bahasa Melayu. Pertembungan dua cabang bahasa, iaitu bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden yang banyak perbezaan ini semestinya memberikan masalah kepada penterjemah. Oleh itu, projek ini diharapkan dapat menemukan cabaran penterjemahan intralingual bahasa Melayu dengan cadangan penyelesaiannya melalui proses amali penterjemahan dan seterusnya cadangan penyelesaian itu dapat dijadikan garis panduan kepada penterjemahan intralingual bahasa Melayu pada masa hadapan.

1.1 Teks Sumber dan Justifikasi Pemilihan Teks

1.1.1 Teks Asal Hikayat Bayan Budiman

Berdasarkan bahagian kata pengantar teks *Hikayat Bayan Budiman* keluaran DBP ini, Winstedt (1985) menyatakan bahawa *Hikayat Bayan Budiman* berasal daripada Sanskerta *Sukasaptati*. *Sukasaptati* mengandungi 70 hikayat di dalamnya. Hikayat *Sukasaptati* kemudiannya telah diperbaiki ke dalam bahasa Parsi oleh Nakhsyabi dengan judul *Tuti-Nameh* pada tahun 1329. Selain daripada versi Nakhsyabi, terdapat juga beberapa versi lain *Sukasaptati* dalam bahasa Parsi seperti versi Sary Abdullah Effendi, versi bersajak oleh Hamid Lahori dan versi prosa ringkas oleh Mohd. Qadiri pada tahun 1793.

Versi Nakhsyabi mengandungi 52 hikayat. Pada tahun 1792, Gerrans telah menterjemahkan 12 daripada 52 hikayat ini dalam bahasa Inggeris dengan judul *Tales of a Parrot done into English from Persian Manuscript entitled Tooti-Nameh*. Selain itu, A. C. Stephen pada tahun 1892 turut menterjemahkan karya Nakhsyabi ke dalam bahasa Inggeris dengan judul “*Tooti-Nameh Fairy Tales of a Parrot*”.

1.1.2 Teks Hikayat Bayan Budiman dalam Alam Melayu

Salinan *Hikayat Bayan Budiman* dalam bahasa Melayu yang tertua ialah fregmen empat belas halaman yang dimiliki oleh Edward Pococke yang ditulis pada kira-kira tahun 1600. Salinan ini kini disimpan di Perpustakaan Bodleian, Oxford. Beberapa halaman *Hikayat Bayan Budiman* ini memiliki persamaan dalam aspek susunan cerita dengan versi yang ditulis oleh Logan, van der Wall dan Raffles.

Hikayat Bayan Budiman turut wujud dalam beberapa judul yang berlainan seperti *Hikayat Khojah Maimun*, *Hikayat Khojah Mubarak* dan *Cerita Taifah*. Penterjemahan Hikayat ini dalam bahasa Melayu terawal telah dilakukan oleh Kadi Hassan pada tahun 1371.

Walaupun Hikayat Bayan Budiman kurang diberikan perhatian dan tidak dikenali di alam Melayu, namun Hikayat ini masyhur dan banyak disimpan di beberapa buah perpustakaan utama dunia seperti di London, Leiden, Paris dan Singapura.

1.1.3 Perbezaan Tuti-Nameh dan Hikayat Bayan Budiman

Walaupun *Hikayat Bayan Budiman* berasal daripada Sanskerta *Sukasaptati* dan *Tuti-Nameh* dalam bahasa Parsi, namun terdapat beberapa perbezaan ketara yang boleh dikenal pasti. Antara perbezaannya ialah dari segi susunan kisah yang terdapat dalam versi Parsi dan versi Melayu. Terdapat beberapa cerita yang sama dengan versi *Tuti-Nameh* dan ada juga cerita yang tidak terdapat dalam versi tersebut, namun ia wujud dalam versi bahasa Melayu.

Antara perbezaan utama versi Parsi dengan versi bahasa Melayu ialah pada pengakhiran cerita kedua-dua versi ini. Versi Parsi berakhir dengan burung bayan menceritakan kecurangan isteri tuannya yang bernama Bibi Zainab. Akibat berang dengan perbuatan Bibi Zainab, suaminya telah membunuhnya, manakala dalam versi bahasa Melayu pula burung bayan berjaya memperdayakan Bibi Zainab daripada bertemu kekasihnya sehingga suami Bibi Zainab pulang daripada pelayaran. Burung bayan tidak menceritakan perkara yang berlaku di antara Bibi Zainab dengan kekasihnya dan kemudiannya burung bayan dilepaskan oleh tuannya ke tempat asalnya kembali.

1.1.4 Sinopsis

Hikayat Bayan Budiman mengisahkan seorang saudagar di negeri Ajam yang bernama Khojan Mubarak. Dia mempunyai seorang anak bernama Khojan Maimun. Khojan Maimun dikahwinkan dengan Bibi Zainab apabila cukup umurnya. Khojan Maimun berhasrat untuk pergi belayar dan berniaga.

Sebelum berlayar, Khojan Maimun membeli dua ekor burung sebagai teman isterinya selama dia pergi belayar. Seekor burung bayan dan seekor lagi burung tiung. Ketika hendak pergi belayar, Khojan Maimun berpesan kepada isterinya supaya sentiasa bertanya kepada burung-burung itu sebelum melakukan suatu tindakan. Semasa Khojan Maimun belayar, Bibi Zainab kesunyian. Ketika duduk termenung di tingkap, seorang putera raja tiba-tiba berada di hadapan rumahnya dan mereka saling berbalas senyuman. Semenjak saat itu, Bibi Zainab dan putera raja saling jatuh cinta. Dengan perantara seorang perempuan tua, pertemuan antara mereka dapat diaturkan.

Sebelum meninggalkan rumah, Bibi Zainab menyampaikan keinginannya kepada burung Tiung. Namun begitu, teguran burung Tiung menyebabkan Bibi Zainab berasa marah, lalu menghempaskan burung Tiung ke lantai sehingga matilah burung Tiung itu. Bibi Zainab kemudiannya meminta nasihat daripada burung Bayan. Burung Bayan tidak melarang Bibi Zainab untuk bertemu dengan putera raja tersebut, akan tetapi burung Bayan itu berjaya menarik perhatian serta melalaikan Bibi Zainab dengan cerita-ceritanya. Berikutan itu, Bibi Zainab terpaksa menangguhkan hasratnya dari satu malam ke satu malam untuk bertemu putera raja.

2. PENDEKATAN PENTERJEMAHAN

Terjemahan yang baik ialah terjemahan yang boleh difahami dengan mudah oleh pembaca sasaran. Makna dan gaya dalam teks sasaran juga haruslah sejajar dengan gaya dan makna yang terdapat dalam teks sumber. Oleh itu, Nida (1964) mengemukakan konsep "*the closest equivalent of the source language, first in terms of meaning and secondly in terms of style*".

Cadangan pendekatan penterjemahan yang dikenal pasti bagi menterjemah *Hikayat Bayan Budiman* ialah penterjemahan komunikatif. Hal ini demikian kerana pendekatan penterjemahan ini bertujuan menghasilkan kesan sehampir mungkin kepada pembaca sasaran seperti yang diperoleh oleh pembaca teks asal (Newmark, 1981). Tambah Newmark lagi, ciri-ciri terjemahan komunikatif adalah lebih cenderung kepada terjemahan berkurangan, mementingkan mesej, mementingkan pembaca sasaran, mementingkan budaya bahasa sasaran dan mementingkan fungsi. Pendekatan penterjemahan komunikatif ini diyakini dapat mencapai fungsi dan motif teks terjemahan sepertimana yang dinyatakan dalam analisis makro dan mikro.

Prosedur-prosedur penterjemahan Newmark (1988) akan diaplikasikan bagi menangani item linguistik perkataan, frasa dan ayat. Prosedur-prosedur itu antara lain termasuklah pindaan, neutralisasi, pengguguran, terjemahan sedia ada, nota/maklumat tambahan, kuplet dan beberapa prosedur lain yang akan digunakan untuk menghasilkan sebuah terjemahan komunikatif.

Selain memanfaatkan pendekatan komunikatif yang digagaskan oleh Newmark (1981), penterjemah turut menggunakan panduan pemindahan bahasa yang dicadangkan oleh Za'ba (1934). Za'ba menggunakan istilah 'memindahkan bahasa' bagi menerangkan konsep terjemahan intralingual. Dalam pada itu, beliau memperkenalkan beberapa prinsip atau saranan dalam proses melakukan terjemahan intralingual.

Menurut Za'ba, sebelum memulakan sebarang proses penterjemahan, penterjemah seharusnya memahami maksud yang ingin disampaikan melalui teks sumber. Pemahaman penterjemah bukanlah sekadar memahami maksud tersurat sahaja, malahan penterjemah hendaklah mendalami keseluruhan teks termasuk maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Bagi konsep atau perkataan yang kurang difahami, penterjemah disarankan untuk merujuk bahan rujukan seperti buku istilah, kamus dialek dan kamus. Selain itu, penterjemah juga boleh merujuk orang sekitar yang lebih arif dengan konsep yang ingin disampaikan dalam teks sumber.

Semasa menterjemah, Za'ba menyarankan supaya penterjemah memberikan beberapa padanan yang sesuai untuk sesuatu perkataan yang ingin diterjemahkan. Hal ini demikian kerana semasa proses penterjemahan, kadangkala penterjemah terlepas pandang maksud asal yang ingin disampaikan. Maka, pilihan terjemahan adalah perlu bagi memudahkan proses penyemakan kelak. Beliau turut mencadangkan penterjemah supaya menggunakan bahasa yang mudah dan sesuai dibaca oleh golongan sasaran teks terjemahan. Apabila tidak ditemukan padanan yang sesuai, perkataan asal yang terdapat dalam teks sumber haruslah dikekalkan bagi mengelakkan salah terjemah atau pengurangan makna.

Za'ba turut menekankan bahawa penterjemah seharusnya menterjemahkan maksud yang ingin disampaikan dengan selengkapnya dan bukannya memindahkan perkataan daripada bahasa sumber. Prinsip ini sama seperti konsep terjemahan komunikatif yang digagaskan oleh Newmark (1981) yang dimanfaatkan sebagai pendekatan penterjemahan teks ini. Selain itu, penterjemah diingatkan supaya melakukan pemindahan maksud asal daripada teks sumber kepada teks sasaran tanpa sebarang penambahan elemen makna. Mesej yang ingin disampaikan dalam teks terjemahan perlulah selari dengan mesej yang ingin digarap oleh penulis asal teks sumber. Walau bagaimanapun, huraian kepada konsep dibenarkan jika mesej yang disampaikan

dalam teks terjemahan tidak mencukupi bagi membolehkan pembaca sasaran memahami konsep tersebut.

Struktur teks boleh diubah. Hal ini bermakna Za'ba tidak menyarankan penterjemah mengekalkan bentuk teks sumber dalam teks terjemahan. Cakap ajuk boleh diubah kepada kata-kata pengarang dan ayat penyata juga boleh diubah kepada ayat seru dan ayat tanya. Ayat majmuk yang panjang boleh dipendekkan dan dipisahkan kepada beberapa ayat tunggal, manakala beberapa ayat tunggal pula dibenarkan dicantumkan menjadi ayat majmuk.

Daripada satu segi yang lain, Za'ba mengagakkan supaya gaya penulisan penulis asal dikekalkan dengan sebaik mungkin bagi membolehkan 'rasa' terjemahan yang sama dapat dirasai oleh pembaca sasaran. Unsur bahasa seperti bahasa kiasan perlu dipelihara bagi membolehkan keaslian dan keindahan bahasa teks sumber turut dirasai oleh pembaca teks terjemahan.

Prinsip penterjemahan yang disarankan oleh Za'ba ini menjadi panduan kepada penterjemah bagi menghasilkan terjemahan intralingual yang berkualiti sejajar dengan kemasyhuran teks ini.

3. ANALISIS TERJEMAHAN

Secara keseluruhannya, pendekatan yang digunakan oleh penterjemah ialah terjemahan komunikatif. Terjemahan komunikatif menghasilkan kesan yang se hampir mungkin seperti pembaca asal dalam kalangan pembaca sasaran. Tumpuan adalah pada pembaca sasaran, dengan harapan mereka tidak mengalami kesulitan atau keaburan dalam memahami teks terjemahan yang dibaca. Pembaca teks terjemahan menyamakan diri mereka dengan pembaca teks sumber (Newmark, 1981).

Walaupun pendekatan terjemahan komunikatif digunakan sebagai asas dalam terjemahan *Hikayat Bayan Budiman* ini, panduan menterjemah yang disarankan oleh Za'ba (1934) turut diguna pakai dalam menghasilkan terjemahan ini.

Pemilihan pendekatan komunikatif juga berpandukan oleh pernyataan Muhammad Haji Salleh (2016) bahawa bahasa yang digunakan dalam teks terjemahan hendaklah lebih bersifat kontemporari, mudah difahami, menggunakan ungkapan harian dan mengikut perbendaharaan kata yang sesuai untuk pembaca di sekolah.

Penggunaan terjemahan komunikatif sebagai pendekatan dominan dalam projek ini turut disokong melalui pernyataan Nida dan Taber (1969) bahawa penterjemahan melibatkan proses pemahaman kandungan teks sumber melalui analisis secara terperinci kandungannya dan memindahkan maksud yang ingin disampaikan, dan seterusnya menstrukturkan semula mesej ke dalam bahasa sasaran.

Walaupun dalam rumpun bahasa yang sama, struktur bahasa yang terdapat dalam teks sumber (bahasa klasik) amat berbeza dengan teks terjemahan (bahasa moden). Hal ini ditambah lagi dengan kosa kata klasik yang sudah tidak digunakan lagi pada masa kini. Walau bagaimanapun, glosari yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka amat membantu dalam proses penterjemahan terutama sekali perkataan-perkataan klasik yang terdapat dalam teks sumber. Menurut Fo Congcong (2016), isu dan cabaran dalam menterjemah karya kesusasteraan Melayu Klasik terbahagi kepada tiga. Pertama, aspek bahasa Melayu klasik itu sendiri yang melibatkan perkataan, istilah, struktur ayat dan gaya bahasa yang amat berlainan daripada bahasa Melayu moden. Cabaran ini ditambah lagi dengan unsur-unsur yang dibawa bersama dalam karya klasik yang melibatkan bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Parsi dan bahasa Sanskrit.

Kedua, aspek budaya Melayu klasik yang disampaikan dalam teks sumber juga menjadi cabaran kepada penterjemah. Hal ini demikian kerana budaya yang menjadi teras dalam karya kesusasteraan klasik selalunya merupakan saduran daripada budaya dan agama yang pelbagai seperti Islam, Hindu, Parsi dan sebagainya. Pengetahuan penterjemah tentang unsur budaya pada waktu ini amat penting bagi menjamin ketepatan penyampaian mesej dalam terjemahan.

Cabaran ketiga yang diutarakan oleh Fo Congcong (2016) ialah gaya dan teknik penulisan dalam karya klasik. Hal ini demikian kerana unsur gaya penulisan ini berkait rapat dengan unsur budaya yang diterapkan dalam karya klasik. Penguasaan penterjemah tentang bahasa dan budaya serta rujukan yang pelbagai amat penting bagi memastikan mesej dan maklumat yang disampaikan dalam terjemahan sejajar dengan teks sumber.

Sehubungan dengan itu, penterjemah seharusnya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan bantuan rujukan yang pelbagai bagi memastikan terjemahan yang dihasilkan berkualiti dan berusaha sedaya upaya mengekalkan 'kemegahan' karya kesusasteraan Melayu klasik yang tinggi nilainya ini.

3.1 Bahasa Istana

Menurut Asmah Hj. Omar (2004), bahasa istana merupakan variasi bahasa halus yang digunakan dalam kalangan diraja dan apabila rakyat berkomunikasi dengan golongan tersebut. Bahasa ini mempunyai ciri pengulangan, pemulukan dan pendinaan.

Secara umumnya, Za'ba turut memberikan panduan dalam pemilihan dan penggunaan leksikal teks sumber ke dalam teks terjemahan. Beliau menyarankan agar penterjemah menggunakan perkataan yang berlainan berbanding teks sumber mengikut kesesuaian kerana Za'ba menyarankan pengstruktur semula ayat dan hanya memindahkan maksud dan mesej, dan bukannya bentuk kata. Walau bagaimanapun, Za'ba tidak melarang penterjemah menggunakan perkataan yang sedia ada jika perkataan itu sesuai dengan kehendak terjemahan. Hal ini amat sesuai digunakan dalam leksikal-leksikal bahasa istana yang mempunyai golongan kata yang berbeza dan juga digunakan dalam situasi yang sesuai (berkaitan institusi beraja).

Berdasarkan panduan ini, penterjemah telah melakukan terjemahan berkaitan bahasa istana. Berikut merupakan contoh analisis berkaitan dengan bahasa istana dan terjemahannya.

Contoh 1

Teks Sumber	Teks Terjemahan
"Hai raja yang maha mulia lagi besar, tiada siapa yang terlebih kasih akan duli Syah Alam lebih daripada patik dan tiada siapa yang akan melawan seteru Syah Alam melainkan yang diperhamba juga yang melawan dia." (hlm. 15)	"Wahai raja yang maha mulia lagi besar, tiada sesiapa yang kasih kepada tuanku melainkan patik dan tiada sesiapa yang mempertahankan tuanku melainkan patik."

Melalui terjemahan ini, penterjemah masih mengekalkan struktur bahasa istana. Hal ini dapat dilihat dengan masih terdapat lagi unsur pemulukan, iaitu perbuatan menyembah dan menyanjung raja. Walau bagaimanapun, penterjemah telah menggunakan prosedur parafrasa bagi menyesuaikan struktur ayat bahasa klasik kepada ayat bahasa moden. Maka, 'rasa' bahasa istana masih dikekalkan, namun dalam laras bahasa Melayu moden yang lebih mesra pembaca sasaran.

Contoh 2

Teks Sumber	Teks Terjemahan
Maka sembah Ferhad, “Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun ke bawah duli yang maha mulia, patik memohon periksa siapa yang menyuji ramal ini?” (hlm. 64)	“Ampun tuanku beribu-ribu ampun ke bawah duli yang maha mulia, biarlah patik periksa dahulu siapakah yang menyulam lukisan ini,” sembah Ferhad kepada Raja.

Melalui contoh ini, dapat dilihat penterjemah masih mengekalkan elemen bahasa istana dalam pengujaran dialog melalui watak dalam cerita ini. Unsur pemulukan tetap dikekalkan dalam teks, namun penterjemah telah menggunakan prosedur parafrasa bagi menyesuaikan dengan laras bahasa Melayu moden. Maka, elemen bahasa istana tetap dikekalkan dan “diperkenalkan” kepada golongan pembaca sasaran. Nilai hormat antara rakyat dan golongan raja masih dapat dilihat dengan jelas dan juga boleh dijadikan sebagai nilai utama dalam penghasilan teks terjemahan ini.

3.2 Bahasa Melayu Klasik

Contoh 3

Teks Sumber	Teks Terjemahan
“Ya Tuhanku! Jikalau kiranya aku beroleh anak, aku memberi sedekah makan segala fakir miskin dan <u>darwis</u> .” (hlm. 1).	“Ya tuhanku! Jika aku mendapat zuriat, aku sedekahkan hartaku kepada fakir miskin dan <u>darwis</u> ”.

Walaupun perkataan fakir dan darwis pada asasnya merujuk seseorang yang tidak memiliki harta, namun elemen keagamaan yang wujud dalam perkataan ‘darwis’ membezakannya dengan ‘fakir’. Maka, penterjemah memasukkan nota kaki bagi perkataan ‘darwis’. Hal ini demikian kerana perkataan ini mempunyai konsep yang tersendiri dan boleh menjejaskan kelancaran pembacaan. Melalui penambahan nota kaki, sekurang-kurangnya pembaca teks terjemahan dapat merujuk makna ‘darwis’ yang membawa maksud orang Islam yang sengaja hidup miskin dan mengasingkan diri kerana hendak mencapai kesempurnaan jiwa.

Contoh 4

Teks Sumber	Teks Terjemahan
...,maka peninggalnya isteri saudagar itu pun <u>bermukahlah</u> dengan <u>kalandar</u> .(hlm. 9)	Semasa beliau pergi berlayar, isteri beliau telah <u>berkasih</u> dengan <u>pendeta</u> .

Berdasarkan contoh ini, ‘bermukah’ membawa maksud persetubuhan haram atau berzina. Maka, bagi mengelakkan penggunaan perkataan yang bersifat tabu dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam konteks pembaca sasaran, penterjemah telah menggunakan perkataan *berkasih* yang lebih sesuai dalam konteks pembaca sasaran di sekolah. Terjemahan yang dilakukan bersifat kurang tetapi bersesuaian dengan konteks pembaca sasaran. Perkataan ‘kalandar’ juga merupakan leksikal bahasa Melayu klasik yang jarang-jarang digunakan pada masa kini. Berpandukan glosari yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, ‘kalandar’

bermaksud 'pendeta atau pengemis'. Berdasarkan makna konteks, penterjemah menggunakan *pendeta* kerana pendeta membawa maksud orang yang mempunyai banyak ilmu dan orang yang gemar bertapa, manakala pengemis pula membawa maksud peminta sedekah.

Contoh 5

Teks Sumber	Teks Terjemahan
...,serta dihunusnya <u>khanjar</u> dihantarkannya pada leher anaknya. (hlm. 16)	... kemudiannya dihunusnya <u>parang</u> untuk menyembelih anaknya.

Berdasarkan contoh 5, aspek leksikal bahasa Melayu klasik telah dipindahkan kepada bahasa Melayu moden. Prosedur neutralisasi digunakan bagi menggantikan leksikal bahasa Melayu klasik 'khanjar'. Menurut Newmark (1988), proses ini melibatkan proses generalisasi unsur yang terdapat dalam teks sumber bagi memudahkan pemahaman pembaca sasaran. Menurut glosari Dewan Bahasa dan Pustaka, 'khanjar' merujuk sejenis senjata golok bermata dua. Namun, penterjemah telah menggunakan prosedur neutralisasi dan menggantikannya dengan 'parang' bagi memudahkan pemahaman pembaca sasaran dan melancarkan pembacaan.

Contoh 6

Teks Sumber	Teks Terjemahan
"Ada seorang <u>orang ubatan</u> dapat ia menjadikan dirinya segala rupa. (Hlm. 20)	"Ada seorang <u>pawang</u> yang boleh menjelma dalam pelbagai rupa.

Berdasarkan contoh ini, penterjemah telah menggunakan prosedur penggantian bagi menggantikan perkataan 'orang ubatan' kepada 'pawang'. Hal ini demikian kerana berdasarkan teks sumber orang ubatan tidak membawa maksud seseorang individu yang memiliki 'kuasa atau kesaktian untuk mengubah dirinya kepada bentuk yang berbeza'. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), 'pawang' membawa maksud (1) orang yang mempunyai kebolehan istimewa melakukan sesuatu, biasanya dengan menggunakan kuasa ghaib. (2) orang yang pandai mengubati orang sakit dengan jampi dan lain-lain; dukun; bomoh. Maka, komponen makna yang dibawa oleh 'pawang' lebih sesuai dengan sifat watak yang ingin disampaikan dalam cerita. Maka, terjemahan ini bertepatan dengan konteks makna keseluruhan yang ingin disampaikan dalam teks sumber.

Contoh 7

Teks Sumber	Teks Terjemahan
Akan laki-laki itu amatlah cemburuan, apabila ia hendak berjalan, maka dijadikannya dirinya seorang gajah dengan hikmatnya, maka ditaruhnya isterinya itu di atas <u>baluhan</u> belakangnya; (Hlm. 20)	Jika mereka keluar bersiar-siar, dia menjelma menjadi gajah dan isterinya <u>menunggangnya</u> kerana risau isterinya berlaku curang kepadanya.

Dalam teks sumber, "baluhan" merujuk kayu rangka-rangka pada tempat duduk di belakang gajah. Penterjemah telah menggugurkan perkataan ini daripada teks terjemahan. Hal ini demikian kerana kata kerja "menunggangi" telah membawa maksud isterinya berada dan menunggang di atas gajah. Maka, perkataan 'baluhan' yang terdapat dalam teks sumber tidak

diperlukan lagi bagi mendukung maksud yang telah disampaikan dengan jelas dalam teks terjemahan dan pengguguran ini tidak mengganggu mesej asal yang ingin disampaikan dalam teks sumber.

4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, secara keseluruhan penterjemahan *Hikayat Bayan Budiman* yang dilakukan berpandukan pendekatan terjemahan komunikatif dan diselaraskan dengan panduan terjemahan (pemindahan bahasa) yang dikemukakan oleh Za'ba (1934). Hal ini demikian kerana masih kurang panduan terjemahan intralingual dalam bahasa Melayu untuk dijadikan panduan kepada penterjemah untuk menterjemah.

Hampir keseluruhan prosedur yang digunakan ialah prosedur parafrasa yang dikemukakan oleh Newmark (1988). Hal ini turut disokong oleh Za'ba yang menyarankan supaya penterjemah memahami teks sumber dan menggunakan penulisan semula untuk menyampaikan maksud teks sumber serta tidak terikat oleh perkataan-perkataan dalam teks sumber.

Walaupun pendekatan dan prosedur-prosedur yang dipilih oleh penterjemah jelas menggambarkan pendekatan terjemahan komunikatif, terdapat juga beberapa aspek dalam teks sumber yang telah ditangani melalui pendekatan terjemahan semantik dengan mengambil kira kesesuaiannya dalam teks sasaran. Di samping itu, cabaran yang dihadapi oleh penterjemah dalam menterjemah teks ini ialah struktur ayat bahasa Melayu klasik yang kompleks dan latar budaya pada masa dahulu yang amat berbeza dengan kebiasaan masyarakat sekarang. Melalui aplikasi panduan penterjemahan yang digagaskan oleh Za'ba, ternyata benar bahawa panduan penterjemahan Za'ba sesuai dimanfaatkan dalam terjemahan intralingual bahasa Melayu. Selaras dengan hal ini, dicadangkan supaya panduan penterjemahan Za'ba dipopularkan dan diangkat sebagai prinsip penterjemahan sekali gus dimasukkan ke dalam silibus latihan penterjemahan.

Penterjemahan *Hikayat Bayan Budiman* diharapkan memberi nafas baharu kepada karya kesusasteraan alam Melayu yang tinggi nilainya dan juga kaya dengan mesejnya. Kajian tentang terjemahan intralingual dan juga penterjemahan intralingual dalam alam Melayu perlu diperkaya bagi memastikan khazanah kesusasteraan Melayu tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Pelbagai elemen bahasa Melayu klasik yang jarang-jarang digunakan dalam bahasa Melayu moden seperti leksikal bahasa Melayu klasik dan laras bahasa yang berbelit-belit telah diringkaskan dan dimudahkan selaras dengan tahap penguasaan bahasa Melayu pembaca sasaran, iaitu pelajar sekolah menengah. Walau bagaimanapun, keseluruhan terjemahan ini diyakini masih mampu memberikan gambaran awal tentang intipati dan keunikan hikayat ini kepada pembaca sasaran. Lebih-lebih lagi tujuan utama terjemahan ini bukanlah untuk menandingi karya asal, tetapi hanyalah untuk memudahkan pemahaman pembaca muda dan seterusnya membolehkan mereka kembali kepada karya asal yang amat tinggi nilai seninya.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2004). *Bahasa Diraja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fu Congcong. (2016). Prinsip Penterjemahan Tradisional China dalam Penterjemahan *Sulalat al-Salatin*. *Isu-Isu dalam Terjemahan Karya Sastera*. hlm. 103-120. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Haslina Haroon. (2016). Prosedur Penterjemahan Alat Susastera Dalam Teks Kesusasteraan Melayu Ke Dalam Bahasa Inggeris. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jilid 9 (1), 115-143.
- Jakobson, R. (1959/2000). "On linguistic aspects of translation" dalam Venuti, L. (ed.) *The Translation Studies Reader, second edition*, New York: Routledge, 180-192.
- Jakobson, R. (2000). On linguistic aspects of translation. Dalam *The Translation Studies Reader*. (Venuti, L., ed.), hlm. 113-125. London: Routledge
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levy, J. (1967). *Translation as a Decision Process*. Mouton: The Hauge and Paris.
- Muhammad Haji Salleh. (2016). Hang Tauh Bercakap 'Oghang Puteh': Terjemahan dan Penjelmaan Hang Tuah dalam Bahasa Eropah. *Isu-Isu dalam Terjemahan Karya Sastera*. hlm. 1-19. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Munday, J. (2001). *Introducing Translation Studies: Theories and Applications*. London & New York: Routledge.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. London: Ergamon Press Ltd.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New York: Prentice-Hall.
- Nida, A. E. (1964). *Towards a science of translating*. Leiden: E.J.Brill.
- Nida, E. dan Taber, C. (1969). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E.J.Brill
- Wan Halizawati Wan Mahmood. (2017). Penterjemahan: Menterjemahlah Secara Berilmu. *Dewan Bahasa* Disember 2017.
- Winstedt, R. O. (1985). Kata Pengantar, *Hikayat Bayan Budiman*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Bakti Sdn. Bhd..
- Zainal Abidin Ahmad. (1934). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.